



**MAKLUMAN**  
**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**  
**PUTRAJAYA**



**OPERASI DAN PERKHIDMATAN**  
**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM) DALAM TEMPOH**  
**PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

Selaras dengan Perutusan Khas YAB Perdana Menteri berserta kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara mengenai COVID-19, kerajaan telah memutuskan penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan **Perkhidmatan Penting (*Essential Services*)** bertujuan untuk mengekang penularan wabak COVID-19 melalui pengurangan interaksi individu, Pengurusan Tertinggi JKDM memutuskan perkara-perkara seperti berikut:-

- i) Semua operasi dan perkhidmatan Perkastaman di pelabuhan, lapangan terbang dan pintu keluar masuk negara terus berjalan dengan kekuatan pegawai dan anggota yang minimum. Walaubagaimanapun, operasi di bahagian-bahagian lain JKDM akan terus berjalan melalui platform atas talian (*online*).
  
- ii) Tempoh mengemukakan apa-apa penyata yang berakhir 31/03/2020 adalah dilanjutkan sehingga 15/04/2020. Penalty yang terlibat untuk penyata yang dihantar sebelum atau pada 15/04/2020 akan diberi remisi sepenuhnya. Pembayaran melalui medium atas talian (*online*) atau melalui perkhidmatan pos adalah digalakkan.

- iii) Semua mesyuarat, perbincangan dan *round-table-discussion* (RTD) hendaklah ditangguhkan kecuali jika dipersetujui boleh diaturkan secara maya antara pegawai dan syarikat. Keputusan RTD adalah tertakluk kepada penerimaan dan kesahihan dokumen yang berkaitan.
- iv) Hari Bertemu Pelanggan pada setiap hari Khamis bertempat di Wisma Kastam Kelana Jaya, Selangor adalah ditangguhkan.

Justeru, adalah berkemungkinan operasi dan perkhidmatan JKDM akan mengalami sedikit gangguan dan kelewatan. Segala kesulitan yang dihadapi adalah amat dikesali. Kerjasama dan perhatian daripada semua pelanggan yang berurusan dengan JKDM untuk mengurangkan interaksi individu berpandukan arahan dan saranan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

###

**DATO' SERI PADDY BIN ABD HALIM  
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA  
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
TARIKH: 17 MAC 2020**